

Headline	Aids boleh dicegah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	13	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 356
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,068



## Aids boleh dicegah

**KUALA LUMPUR** - Jangkitan HIV/Aids boleh dicegah, dirawat, namun tidak boleh dihapuskan dan pencegahan itu sememangnya lebih baik daripada diubati.

Kelewatan mendapatkan rawatan, ia boleh membawa maut.

Pakar Perunding Pediatrik dan Penyakit Berjangkit, Hospital Kuala Lumpur, Dr Kamarul Azhar Mohd Razali berkata, namun selepas kajian saintifik dijalankan, pakar menemui ubat yang boleh membantu melambatkan pembiakan virus dalam tubuh pesakit.

Menurutnya, dengan pengambilan ubat yang konsisten, virus akan semakin berkurangan, sekali gus meningkatkan sel darah putih ke paras normal dan mampu berfungsi dengan baik untuk menentang jangkitan.

“Melalui kombinasi ubat diberikan, tahap kesihatan fizikal lebih baik, pesakit bertambah cergas dan cerdas, sihat, berat badan naik dan tidak mendapat penyakit oportunistik.

“Selain itu, boleh mencapai tahap di mana virus berkenaan tidak dapat dikesan. Jika ini berlaku, pesakit boleh digolongkan dalam keadaan pulih walaupun tidak boleh kembali normal,” katanya.

Dr Kamarul Azhar berkata, rawatan HIV/Aids juga boleh mencegah bayi daripada dijangkiti virus daripada ibu mengandung.

“Di negara barat penularannya boleh dikurangkan sehingga satu peratus dan di Malaysia boleh mencapai sehingga 3.6 peratus pencegahan,” katanya.